

14 JAN 2003

APPF-Penyertaan/I

JAWATANKUASA EKSEKUTIF APPF AKAN BINCANG PENYERTAAN INDIVIDU

KUALA LUMPUR, 14 Jan (Bernama) -- Jawatankuasa eksekutif Forum Anggota Parlimen Asia Pasifik (APPF) akan mengadakan mesyuarat bagi menentukan status penyertaan anggota Parlimen pada mesyuarat tahunannya dalam kapasiti peribadi mereka.

Pengerusi APPF Tan Sri Michael Chen hari ini berkata semasa APPF ditubuhkan kira-kira 11 tahun lepas, keanggotaan tidak didefinisikan dengan jelas kerana ia juga membenarkan anggota Parlimen untuk menyertainya dalam kapasiti peribadi mereka.

Penyertaan individu telah menjadi isu pada APPR ke-11 apabila seorang anggota Parlimen dari Kanada tidak dibenarkan mendakwa sebagai wakil Kanada kerana beliau tidak tersenarai dalam delegasi rasmi negara itu.

Ekoran kejadian semalam itu, forum itu memutuskan bahawa anggota Parlimen Svend Robinson tidak akan dibenarkan berucap mewakili Kanada kerana beliau bukan anggota delegasi rasmi negara itu. Mesyuarat itu juga memutuskan bahawa pandangan beliau yang dikemukakan pada mesyuarat itu tidak dikeluarkan daripada rekod.

"Perkara itu masih belum pasti dan ia akan dibincangkan pada (mesyuarat) jawatankuasa eksekutif akan datang, tetapi bagi mesyuarat ini, Robinson tidak dibenarkan menyertainya," kata Chen semasa ditemui pada akhir mesyuarat hari ini di sini.

Michael berkata pada peringkat ini, mana-mana anggota Parlimen boleh menghadiri mesyuarat itu, tetapi sama ada seseorang itu dibenarkan berucap tanpa kebenaran delegasi rasmi sesebuah negara itu masih belum diputuskan.

Sebagai negara tuan rumah, Malaysia secara automatik menjadi satu daripada anggota jawatankuasa eksekutif APPF manakala Chen, yang merupakan Presiden Senat, secara automatik dilantik sebagai pengerusi APPF.

Mengenai mesyuarat APPF ke-11 yang akan berakhir esok, Chen berkata beliau gembira dengan hasilnya kerana kebanyakan perwakilan aktif mengambil bahagian dalam perbincangan, terutamanya mengenai isu-isu seperti keganasan dan perdagangan dunia.

Beliau berkata kebanyakan mereka juga kagum dengan ucapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada upacara perasmian semalam.

"Ramai perwakilan menganggap ucapan beliau (Perdana Menteri) penuh dengan cadangan bernas yang boleh dibincangkan lebih lanjut oleh para anggota Parlimen," katanya.

Pernyataan bersama dijangka dikeluarkan esok.

-- BERNAMA

AZH AHH RHM